

Asmah Rusman
am@hmetro.com.my

Subang Jaya

Sebanyak 10 sekolah rendah dipilih menjadi perintis projek *Smart Recycle Bin* bermula Oktober depan dalam usaha menyebarkan maklumat mengenai pengurusan sisa pepejal dan pemeliharaan alam sekitar dalam kalangan generasi muda.

Timbalan Pengerusi Anggora Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal Datuk Mat Ndzari Ahmad Dahalan berkata, setiap guru dan pelajar sekolah itu akan menerima kad akses bagi penggunaan tong kitar semula berkenaan.

"Kad itu bertujuan mengumpul mata ganjaran yang diberikan mengikut berat sampah yang dimasukkan ke dalam tong dan ia boleh ditibus di pasaraya Giant atau CMart," katanya.

Katanya, projek itu akan diperluaskan di seluruh negara secara berperingkat.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Majlis Pelancaran Modul Pengajaran dan Pembelajaran Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan 3R (pengurang, guna semula dan kitar semula) di Kompleks Sekolah Wawasan USJ 15, semalam.

Beliau sebelum itu membacakan teks ucapan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar yang meninggalkan majlis sejeurus melancarkan majlis berkenaan bagi melawat jenazah Ketua Pengarah Jabatan Perumahan Negara, Datuk Abd Rahim Ishak di Bangi.



NOH (empat dari kiri) pada majlis perasmian Modul Pengajaran Dan Pembelajaran Pengurusan Sisa Pepejal dan Amalan 3R Merentas Kurikulum Prasekolah di Subang.

Didik urus sisa pepejal

■ 10 sekolah rendah jadi perintis projek *Smart Recycle Bin* Oktober depan

“ Pada peringkat tadika sudah dilaksanakan program bank kitar semula dikenali sebagai 3R@kids sejak tahun 2010”

Mat Ndzari

Dalam teks ucapan itu, Noh berkata, modul berkenaan dibangunkan dengan kerjasama Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan, Malaysia, Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional (IPNIN), Pusat Kegiatan Masyarakat (KEMAS) dan Institut Pengurusan (IPG).

"Pendekatan modul yang

berfokus kepada anak-anak di awal persekolahan bertujuan mendukung wawasan Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang mahu melihat generasi akan datang membudayakan amalan 3R dalam kehidupan harian," katanya, semalam.

Katanya, sebelum ini ujirintis modul berkenaan sudah dijalankan di 24 prase-

kolah dan taman bimbingan kanak-kanak (tabika) pada 10 April hingga 5 Mei lalu.

Katanya, sebagai persediaan penggunaannya, seramai 169 jurulatih utama dari seluruh negara menalani Bengkel Latihan Kejurulatihan di tiga zon lalu utara, tengah dan selatan pada Julai dan Ogos.

"Pada peringkat tadika su-

dah dilaksanakan program bank kitar semula dikenali sebagai 3R@kids sejak tahun 2010 dan sepanjang tahun ini sebanyak 257 program dijalankan.

"Menerusi program itu, sebanyak 25,000 kilogram sisa kitar semula bernilai RM11,601.24 berjaya dikumpulkan sejak Januari lalu," katanya.